

23/10/1999

Guru harus bersikap rasional

GURU diiktiraf sebagai tunggak dan penyokong Umno yang paling kuat sejak parti itu ditubuhkan pada 1946. Kejayaan yang dicapai negara hingga hari ini adalah hasil perjuangan masyarakat guru. Ini hakikat yang tercatat dalam sejarah perjuangan rakyat negara ini terutamanya bangsa Melayu.

Perjuangan kaum gurulah yang menjadikan ketuanan bangsa Melayu sebagai realiti. Kebanyakan rakyat yang menjawat pelbagai jawatan penting di negara ini adalah pada mulanya diasuh oleh guru. Guru bukan saja menjadi pengasuh malah bertanggungjawab meniup semangat perjuangan ketika memerdekakan negara daripada belenggu penjajah.

Apakah semangat itu sudah pudar hari ini dengan adanya segelintir guru yang mula menyisihkan diri daripada kepentingan dan hasrat untuk memakmurkan negara. Peranan segelintir guru ini sudah berubah daripada matlamat asal. Mereka yang sepatutnya menyuburkan sifat murni di kalangan masyarakat, kini cuba menanam sifat membenci terhadap Umno dan kerajaan. Menghina Umno bermakna mereka menghina perjuangan masyarakat guru yang sebahagian besar adalah anggota Umno.

Guru-guru sendiri perlu menjawab persoalan ini. Apakah mereka sanggup membenarkan segelintir rakan mereka mencemarkan profesion guru? Sanggupkah mereka sekadar membiarkan segelintir rakan-rakan mereka mencemuh Umno dan kerajaan? Guru-guru muda hari ini mungkin tidak faham pengorbanan guru-guru terdahulu yang berjuang untuk memerdekakan negara, termasuk ketika menentang Malayan Union. Apakah selepas 53 tahun Umno ditubuhkan, segelintir guru berkenaan mahu merobohkannya.

Sekiranya Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur mereka, ia tindakan wajar kerana sikap guru yang mula-mula berjinak dengan parti pembangkang adalah berbahaya kepada masa depan rakyat dan negara. Teguran Dr Mahathir lebih berupa nasihat kerana bimbang profesion guru tidak lagi dihormati generasi masa depan. Beliau pastinya gusar kerana hari ini nilai-nilai negatif yang bertentangan dengan budaya rakyat negara ini cuba disuburkan. Sekolah bukanlah tempat untuk menabur fitnah.

Adalah menyedihkan ada guru yang secara terang-terang menghasut pelajar supaya membenci pemimpin dan Umno. Jika dulu guru dianggap sebagai pelita untuk menyuluh masa depan bangsanya, hari ini dengan kemunculan segelintir guru yang tidak bertanggungjawab itu, guru berkenaan dianggap sebagai `api dalam sekam`.

Sedarlah tindakan itu akan mendatangkan keburukan kerana pelajar yang dididik dengan sifat yang hina akan melahirkan masyarakat yang tidak ada keperibadian.

Apa sebenarnya masalah guru? Adakah mereka tidak menerima layanan yang saksama daripada kerajaan? Di mana-mana sekali pun di dunia ini dan dalam bidang apa sekali pun, tidak ada pihak yang berpuas hati sepenuhnya dengan apa yang mereka nikmati kerana cita rasa manusia tidak pernah ada batasnya.

Masyarakat guru tidak seharusnya sentiasa mendongak ke atas. Adakalanya mereka juga harus melihat ke bawah. Mereka sepatutnya lebih tahu bahawa masih banyak masyarakat yang memerlukan sumbangan mereka. Guru, sebagai golongan yang berfikir, seharusnya sentiasa bersikap rasional dalam setiap tindakan mereka.

Guru seharusnya menerima hakikat bahawa mereka adalah antara golongan yang bernasib baik berbanding profesion lain. Jawatan guru masih disanjung oleh masyarakat. Ini terbukti dengan begitu ramai rakyat yang memohon

jawatan itu setiap kali tawaran dibuka untuk mengisi jawatan itu.

Sekiranya ada antara mereka berpendapat jawatan itu tidak diberi pengiktirafan oleh kerajaan, ia adalah satu pembohongan besar. Kerajaan membelanjakan wang yang besar untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada masyarakat guru. Bilangan guru pula bertambah dengan begitu banyaknya. Sebelum ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu, mereka dilatih di maktab-maktab perguruan yang dibina untuk meningkatkan taraf profesion guru.

Tugas guru adalah untuk mendidik. Guru tidak pernah dididik supaya menghasut pelajar supaya membenci sesama manusia. Dengan mendidik pelajar dengan sifat-sifat yang hina, guru sudah menyalahgunakan kedudukan dan institusi pendidikan. Guru perlu ingat, ibu bapa terlalu bergantung harapan kepada mereka supaya mendidik anak-anak agar menjadi manusia berguna. Anak-anak tidak wajar dibawa dalam arus politik kerana sekolah bukanlah institusi yang sesuai untuk tujuan itu.

Biarlah anak-anak menentukan ideologi politik mereka setelah menamatkan pendidikan kelak.

(END)